

05 SEP 1999

Agong-Penduduk

PENDUDUK KAMPUNG BARU RAI AGONG DAN RAJA PERMAISURI

Oleh: Zurina Yusof

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Kampung Baru, kawasan perkampungan Melayu tertua di tengah-tengah ibukota di sini, hari ini menerima dua tetamu kehormat -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah.

Ribuan penduduk kampung itu keluar beramai-ramai sempena hari minggu untuk menyambut kedatangan Seri Paduka berdua dalam satu majlis yang penuh gilang-gemilang.

Ketibaan mereka di Kelab Sultan Sulaiman disambut deretan pelajar yang mengibarkan bendera Malaysia disertai dengan paluan kompang dan persembahan kebudayaan tarian singa, tarian bhangra serta demonstrasi silat.

Baginda disambut oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar, Timbalan Menteri Penerangan Datuk Dr Suleiman Mohamed dan Datuk Bandar Tan Sri Kamaruzzaman Shariff.

Selepas mendengar taklimat mengenai kelab itu, baginda berdua berangkat ke rumah no 28, Jalan Raja Musa dan beramah mesra selama lebih setengah jam bersama penghuni rumah itu, Sutiah Ahmad yang berusia 70 tahun.

Rumah itu mengingatkan kembali zaman kanak-kanak Seri Paduka yang pernah bermain guli bersama rakan-rakan baginda berdekatan dengan rumah itu, kata Dr Suleiman selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Lawatan Seri Paduka ke Kampung Baru hari ini.

Menurut Dr Sulaiman, Seri Paduka di zaman kanak-kanaknya pernah tinggal di Jalan Raja Muda Musa, kampung itu.

Kampung Baru juga begitu dekat di hati Yang di-Pertuan Agong kerana nenda Seri Paduka, Almarhum Sultan Alauddin Sulaiman Shah, telah menghadiahkan tanah di situ kepada penduduk asalnya pada 1890 dan pembukaan kampung itu telah dilakukan sendiri oleh Almarhum.

Seri Paduka kemudian didedahkan kepada aspek komersil kampung itu melalui lawatannya ke Naza Motor Trading Sdn Bhd, sebuah syarikat pengedar kereta mewah BMW, Ferrari, Mercedes Benz dan Jet ski.

Di situ baginda diberi taklimat mengenai perkembangan syarikat itu yang bercadang untuk mendirikan sebuah bangunan 14 tingkat berhampiran bangunan yang ada sekarang bagi menempatkan antaranya lima tingkat bilik pameran kereta yang terbesar di Malaysia.

Dalam kunjungan seterusnya ke Masjid Kampung Baru, Seri Paduka menyampaikan sumbangan berjumlah RM112 ribu kepada anak-anak yatim dan mangsa banjir Kampung Baru serta Kampung Datuk Keramat 14 Mei lalu.

Yang di-Pertuan Agong turut menyampaikan 16 buah komputer kepada Sekolah Menengah Puteri Wilayah Persekutuan melalui program celik komputer anjuran Multimedia Interactive Television (MITV) Sdn Bhd.

Baginda kemudian kembali ke kelab itu untuk merasmikan Dataran Sultan Sulaiman yang menyediakan gelanggang untuk pelbagai aktiviti sukan, rekreasi dan sosial.

Seri Paduka berdua kemudian menghadiri majlis Jamuan Rakyat di situ sebagai mengakhiri lawatan mereka.

Dr Suleiman semasa bercakap kepada pemberita kemudian, berkata sebelum keberangkatan pulang, Seri Paduka telah mengulangi harapannya agar perancangan yang komprehensif diadakan bagi membangunkan Kampung Baru.

"Seri Paduka telah berunding dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan telahpun memberitahu Menteri Besar (Selangor) supaya tanah seluas 400 ekar disediakan di Putrajaya atau kawasan sekitarnya untuk

dijadikan Kampung Baru baru," katanya.

Dr Suleiman berkata jawatankuasa yang akan dibentuk bagi merangka pembangunan semula kawasan itu akan mendapatkan bantuan Amanah Raya Berhad untuk menyelesaikan masalah bersangkutan dengan tanah di situ manakala panel peguam akan dilantik bagi menyelesaikan masalah faraid.

Beliau menegaskan Kampung Baru hanya akan dibangunkan selepas masalah berhubung pemilikan tanah berganda diselesaikan dan perancangan pembangunannya siap, yang dijangkakan dalam tempoh tiga tahun lagi.

-- BERNAMA

ZUE RON